



**PEKELILING  
PERSURUHJAYA TANAH PERSEKUTUAN  
BILANGAN 1/2003**

**GARIS PANDUAN PERMOHONAN PENGAMBILAN TANAH  
BAGI MAKSUD AWAM OLEH KEMENTERIAN DAN JABATAN PERSEKUTUAN  
DI SEMENANJUNG MALAYSIA**

**1. TUJUAN**

Tujuan Pekeliling ini adalah sebagai garis panduan khas kepada semua Kementerian dan Jabatan Persekutuan mengenai tatacara memohon pengambilan tanah untuk maksud awam di bawah seksyen 3(1)(a) Akta Pengambilan Tanah 1960 di Semenanjung Malaysia

**2. PENGENALAN**

2.1 Di Semenanjung Malaysia, Kementerian dan Jabatan Persekutuan mempunyai 4 cara pilihan untuk memperoleh tapak projek.

- (a) memohon tanah kosong Kerajaan Negeri;
- (b) membeli tanah secara rundingan dan pemilik atau pemaju hartanah;
- (c) memohon tukarguna tanah dengan Kementerian atau Jabatan lian mengikut prosedur yang ditetapkan; dan
- (d) mengambil tanah secara paksa di bawah APT 1960.

Oleh kerana tanah kosong Kerajaan Negeri semakin berkurangan, (dan kalau pun ada mungkin tidak sesuai dari segi lokasi atau rupa bentuk fizikal) dan perolehan melalui pembelian pula kadangkala tidak dapat dilaksanakan atas sebab-sebab tertentu, maka kaedah pengambilan tanah secara paksa merupakan alternative yang boleh ditimbangkan oleh Kementerian dan jabatan Persekutuan.

2.2 Urusan pengambilan tanah walau bagaimanapun kadangkala tidak dapat dilaksanakan secara cepat mengikut tempoh keperluan tapak atas beberapa sebab. Antaranya ialah kelemahan dalam merancang dan memilih tapak oleh Kementerian dan Jabatan Persekutuan. Kelemahan ini malangnya hanya terserlah dan disedari kemudian, iaitu semasa permohonan diproses oleh Pentadbir Tanah. Akibatnya, Kementerian dan Jabatan Persekutuan membazir masa dan tenaga kerana terpaksa mencari tapak-tapak baru.

2.3 Kelemahan-kelemahan perancangan yang sering dikenal pasti termasuklah:-

- (a) tapak yang dipilih tidak sesuai dari segi fizikal seperti berbukit, curam, mudah ditenggelami air, tanah gambut, lokasi yang tidak mesra pelanggan dan sebagainya,
- (b) tapak mempunyai bebanan social yang merumitkan seperti setinggan, keperluan pemindahan penduduk, pembangunan sedia ada, dan

- (c) bantahan penduduk, projek yang dicadangkan tidak sesuai dengan perancangan pembangunan persekitaran dan di bantah oleh pemimpin dan Jabatan teknikal peringkat tempatan,
- (d) butir-butir tanah tidak kemas kini,
- (e) spesifikasi projek berubah dan memerlukan tambahan atau pengurangan saiz tapak dan
- (f) kesilapan dalam membuat anggaran kos pengambilan yang boleh menyebabkan urusan pengambilan ditangguhkan sementara mendapatkan peruntukan tambahan.

2.4 Sebagai langkah untuk mengatasi sebarang kelewatan, garis panduan ini menjelaskan tindakan-tindakan yang perlu diambil oleh Kementerian dan Jabatan Persekutuan semasa memohon pengambilan tanah.

### **3. PROSEDUR PEMILIHAN DAN KAJIAN KESESUAIAN TAPAK**

- 3.1 Dua tahun sebelum pelaksanaan projek, pihak Kementerian/ Jabatan Persekutuan yang memerlukan tanah (selepas ini disebut agensi pemohon) hendaklah mencari dan menentukan tapak atau jajaran projek yang sesuai. Untuk maksud tersebut, agensi pemohon hendaklah berunding dengan Pegawai Daerah, Jabatan Perancang Bandar dan Desa (JPBD), pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan JKPTG negeri yang berkenaan. Rundingan ini hendaklah meliputi kesesuaian lokasi dengan perancangan guna tanah sekitarnya. keadaan fizikal tanah, aksesibiliti serta mengambil kira isu-isu social dan ekonomi penduduk tempatan. Keputusan rundingan ini hendaklah diklasifikasikan sebagai dokumen terperingkat (sulit) sehinggalah pengambilan tanah yang berkenaan diwartakan di bawah seksyen 4 atau seksyen 8 APT 1960.
- 3.2 Setelah tapak projek dipilih, agensi pemohon hendaklah mendapatkan ulasan resmi jabatan-jabatan teknikal mengenai kesesuaian tapak projek termasuk laporan kajian kesan alam sekitar (EIA), jika perlu. Jabatan-jabatan teknikal ini ialah JPBD/PBT, JKR dan JPS peringkat daerah. Agensi pemohon juga dikehendaki membuat semakan butir-butir tanah dengan rekod di pejabat tanah yang berkenaan. Dengan mengambil kira butir-butir tanah dan ulasan-ulasan jabatan teknikal berkenaan, agensi pemohon hendaklah membentangkan cadangan pengambilan tersebut kepada Jawatankuasa Pembangunan Daerah atau apa-apa Jawatankuasa seumpamanya di peringkat daerah untuk persetujuan.
- 3.3 Sekiranya PBN ada menentukan peraturan yang perlu dipatuhi semasa memilih dan menentukan kesesuaian tapak, termasuk sama ada perlu atau tidak permohonan di bentang kepada Jawatankuasa Pembangunan Daerah, pihak agensi pemohon hendaklah mematuhi peraturan tersebut.

### **4. PERMOHONAN PENGAMBILAN TANAH**

- 4.1 Setelah tapak projek dipersetujui oleh Jawatankuasa Pembangunan Daerah atau apa-apa jawatankuasa lain seumpamanya, agensi pemohon hendaklah memutuskan sama ada pemilihan tapak ini telah muktamad atau masih

memerlukan kajian teknikal lanjut seperti kerja ukur atau kajian tanah (soil test) sebelum dapat di muktamadkan. Sekiranya telah muktamad, agensi pemohon boleh terus mengemukakan permohonan pengisytiharan pengambilan tanah di bawah seksyen 8 APT 1960. Sekiranya masih memerlukan kajian, agensi pemohon hendaklah memohon pengisytiharan cadangan pengambilan tanah di bawah seksyen 4 terlebih dahulu. Pengisytiharan di bawah seksyen 4 bertujuan untuk memberi kuasa kepada agensi pemohon dan ejen-ejenya untuk memasuki tanah dan membuat kerja-kerja pengukuran dan kajian tanah. Selepas kajian tanah, agensi pemohon hendaklah membuat permohonan pengisytiharan di bawah seksyen 8 jika cadangan pengambilan hendak diteruskan. Bagi sebarang projek baru yang berupa jajaran, agensi pemohon diminta memohon pengisytiharan pengambilan di bawah seksyen 4 terlebih dahulu.

- 4.2 Apabila pengisytiharan dibuat di bawah seksyen 4 APT 1960, agensi pemohon diberi tempoh selama 1 tahun selepas pewartaan untuk menyelesaikan kajian dan memutuskan sama ada hendak meneruskan pengambilan atau tidak. Agensi pemohon hendaklah memberitahu Ketua Pengarah Tanah dan Galian (KPTG) perkembangan hasil kajian kesesuaian tapak dalam tempoh 9 bulan dari tarikh pewartaan itu. Jika pada akhir tempoh 9 bulan itu agensi pemohon merasakan kajian tidak akan dapat diselesaikan dalam tempoh satu tahun yang dibenarkan, agensi pemohon hendaklah membuat permohonan baru untuk pengisytiharan semula di bawah seksyen 4. Jika hasil kajian mendapati tapak yang dipilih adalah sesuai dan muktamad agensi pemohon hendaklah memohon kepada KPTG untuk pengisytiharan dibuat dibawah seksyen 8.
- 4.3 Sekiranya tanah yang diisytiharkan di bawah seksyen 8 diperlukan segera, agensi pemohon boleh memohon supaya tanah itu diambil melalui Surat Perakuan Segera (Borang I) di bawah seksyen 19 APT 1960. Namun demikian, walaupun APT 1960 membenarkan sebarang tanah termasuk yang mempunyai bangunan diambil melalui surat perakuan segera, agensi pemohon dinasihatkan supaya memohon surat perakuan segera hanya bagi lot-lot tanah yang tiada sebarang bangunan. Agensi pemohon juga hendaklah menyediakan peruntukan secukupnya untuk membayar denda lewat atas kadar 8% setahun mulai tarikh tanah diambil milik secara resmi.
- 4.4 Setelah memutuskan samaada untuk mernohon pengisytiharan di bawah seksyen 4 atau di bawah seksyen 8 APT 1960 dan sama ada pengambilan ini dibuat secara biasa atau melalui surat perakuan segera, agensi pemohon hendaklah mengemukakan permohonan pengambilan tanah melalui Ketua Setiausaha Kementerian masing-masing kepada KPTG. KPTG akan membuat permohonan rasmi kepada pihak Kerajaan Negeri. Format surat permohonan pengambilan tanah oleh agensi pemohon adalah seperti di Lampiran 'A' bagi permohonan pengisytiharan di bawah seksyen 4, dan Lampiran 'B' bagi permohonan pengisytiharan di bawah seksyen 8. Dokumen-dokumen dan maklumat-maklumat yang perlu dikemukakan adatah seperti dalam senarai semak di Lampiran C bagi permohonan di bawah seksyen 4 dan Lampiran D bagi permohonan di bawah seksyen 8 iaitu:
  - (a) Pelan pengambilan tanah yang lengkap mempunyai ciri-ciri berikut:

- (i) Butir-butir tanah terkini seperti yang tercatat dalam kedua-dua syitulitho di Pejabat Tanah dan Pelan Akui di Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri berkenaan;
  - (ii) Menggunakan skala sama seperti skala dalam syitulitho di Pejabat Tanah;
  - (iii) Menggunakan warna yang berlainan untuk menandakan kawasan dan status tanah yang terlibat dengan cadangan pengambilan seperti warna merah untuk tanah bermilik, kuning untuk tanah kerajaan, hijau untuk tanah rizab hutan dan biru untuk rizab sungai;
  - (iv) Mengandungi jadual yang menyatakan butir-butir tanah yang tepat, lengkap dan kemas kini mengenai Mukim, Daerah, Nombor syitulitho, Nombor Lot dan Nombor Hakmilik;
  - (v) Bagi projek berbentuk jajaran, pelan pengambilan juga perlu mempunyai jadual berasingan mengenai sebarang tanah milik/rizab Fersekutuan, tanah rizab Negeri dan tanah kosong/kerajaan, serta keluasan yang diperlukan untuk kegunaan projek;
  - (vi) Bilangan salinan pelan pengambilan yang mencukupi.
- b) Sijil Carian Rasmi atau Sijil Carian Persendirian yang terkini bagi lot-lot tanah yang terlibat dengan pengambilan;
- c) Ulasan jabatan teknikal dan laporan kajian kesan alam sekitar jika perlu, serta persetujuan Jawatankuasa Pembangunan Daerah atau Jawatankuasa seumpamanya
- d) Bagi permohonan pengisytiharan di bawah seksyen 8, pengesahan bahawa peruntukan yang mencukupi telah disediakan untuk membiayai kos-kos berikut:
- (i) Peruntukan yang mencukupi telah disediakan untuk membiayai kos pampasan, kos menanda kawasan dan kos menjaga dan mengawal tanah selepas pengambilan seperti pembinaan pagar dan kawalan pencerobohan dan
  - (ii) Surat Perakuan Segera (Borang I APT 1960) diperlukan atau tidak.
- (e) Bagi permohonan pengisytiharan di bawah seksyen 4, pengesahan bahawa peruntukan yang mencukupi telah disediakan untuk membiayai kos pampasan kerosakan akibat kerja-kerja ukur dan kajian tanah.

4.5 Setelah menerima permohonan, KPTG bertanggungjawab mengemukakan permohonan tersebut bersekali dengan dokumen-dokumen dan pelan pengambilan kepada PTG negeri dan menghantar salinan-salinan kepada Setiausaha Kerajaan Negeri, Pentadbir Tanah daerah berkenaan dan Pengarah JKPTG Negeri. Permohonan ini akan diproses seterusnya oleh JKPTG Negeri termasuk mendapatkan kelulusan MMKN, pewartaan, menguruskan perbicaraan

serta urusan pembayaran pampasan dan mengambil milik tanah secara rasmi.

#### **5. PENANDAAN KAWASAN PENGAMBILAN**

Agensi pemohon hendaklah bersedia membuat penandaan kawasan pengambilan apabila dimaklumkan oleh Pentadbir Tanah. Bagi projek-projek berbentuk jajaran, agensi pemohon hendaklah mengarahkan juruukur projek untuk membuat penandaan.

#### **6. KEHADIRAN SEMASA PERBICARAAN PENGAMBILAN TANAH**

Apabila diberitahu oleh Pentadbir Tanah, agensi pemohon hendaklah menghantar sekurang-kurangnya seorang wakil dalam setiap perbicaraan dan wakil ini hendaklah mempunyai pengetahuan mengenai permohonan pengambilan itu dan bersedia memberi keterangan dan keputusan.

#### **7. BAYARAN PAMPASAN**

Setelah selesai perbicaraan dan amaun pampasan ditetapkan, agensi pemohon perlulah berhubung dengan JKPTG Negeri untuk mendapatkan salinan Borang G yang telah disempurnakan. Agensi pemohon hendaklah dalam tempoh tidak melebihi tiga (3) bulan mengemukakan cek bayaran atas nama setiap pihak yang ditetapkan dalam Borang G tersebut kepada JKPTG Negeri. ( Agensi pemohon akan dikenakan denda lewat atas kadar 8% setahun jika pembayaran tidak dibuat dalam tempoh 3 bulan ini). JKPTG Negeri bertanggung jawab menyerahkan cek kepada setiap orang yang berhak.

#### **8. MENGAMBIL MILIK TANAH SECARA RASMI**

Semasa menyerahkan cek bayaran pampasan kepada setiap pihak yang berkepentingan, JKPTG Negeri bertanggungjawab menyampaikan sekali notis Borang K (Notis Tanah Telah Diambil Milik Secara Rasmi) kepada pemilik dan salinannya kepada KPTG dan agensi pemohon untuk memasuki dan mengambil milik tapak.

#### **9. PINDAAN KE ATAS PELAN PENGAMBILAN ATAU LOT TANAH**

Sekiranya semasa permohonan sedang diproses, agensi pemohon ingin membuat sebarang perubahan ke atas pelan pengambilan atau lot tanah atau keluasan tanah yang hendak diambil, agensi pemohon hendaklah memaklumkan kepada KPTG dan JKPTG Negeri dan mengemukakan butir-butir tanah dan pelan pengambilan yang baru. Kecuali bagi perubahan-perubahan yang kecil, KPTG dan JKPTG akan memproses semula permohonan ini sebagai satu permohonan baru.

## 10. PEMBATALAN, PENARIKAN BALIK DAN PENANGGUHAN PERMOHONAN PENGAMBILAN.

- 10.1 Sekiranya sesuatu permohonan ingin di batalkan atau ditarik balik atau ditangguhkan, agensi pemohon hendaklah memberitahu JKPTG negeri secara bertulis dengan salinan kepada JKPTG hasrat tersebut dengan menyatakan sebab-sebab pembatalan/penarikan balik/penangguhan dipohon. Agensi pemohon juga hendaklah menyediakan peruntukan untuk membayar sebarang kos kerosakan semasa kerja ukur, kajian tanah dan kerosakan dan pampasan lain akibat urusan pengambilan ini yang ditetapkan oleh Pentadbir Tanah. Sebarang permohonan pembatalan atau penarikan hanya boleh dipertimbangkan selagi notis Borang K belum diserahkan kepada pemilik.
- 10.2 Bagi permohonan penangguhan, agensi pemohon diingatkan bahawa pengisytiharan di bawah seksyen 4 dan seksyen 8 akan masing-masing luput kuat kuasanya selepas 1 tahun dan 2 tahun dari tarikh pewartaan. Sebarang permohonan yang tertangguh melebihi tempoh tersebut hendaklah dipohon semula sebagai satu permohonan baru, jika cadangan pengambilan ingin diteruskan kelak.

## 11. RUJUKAN KE MAHKAMAH

Agensi pemohon yang tidak berpuas hati dan membantah keputusan perbicaraan yang dibuat oleh Pentadbir Tanah berkaitan amaun pampasan, boleh memohon untuk merujuk ke Mahkamah dengan mengemukakan Borang N (Permohonan Supaya Bantahan Dirujukan Kepada Mahkamah) APT 1960 yang lengkap kepada JKPTG Negeri. Tempoh masa bagi mengemukakan permohonan bantahan bagi agensi pemohon yang hadir semasa perbicaraan ialah enam minggu dan tarikh Pentadbir Tanah membuat award dalam Borang G (Award Pampasan Bertulis). Dan bagi agensi pemohon yang tidak hadir semasa perbicaraan ialah enam minggu dan tarikh terima notis Borang H (Notis Award dan Tawaran Pampasan) atau dalam masa enam bulan dari tarikh Pentadbir Tanah membuat award dalam Borang G, mengikut mana yang lebih dahulu tamat tempohnya., dan lain-lain syarat permohonan yang diperuntukan di bawah seksyen 37, 38 dan 39 AFT 1960.

## 12. TINDAKAN -TINDAKAN SELEPAS PENGAMBILAN

Setelah tapak diambil milik secara rasmi, agensi pemohon hendaklah mengambil tindakan membuat permohonan untuk pengrizaban atau pembermilikan tanah kepada KPTG, dengan mematuhi Pekeliling KPTG/PTP dan mengambil langkah-langkah penjagaan dan pengawalan tanah mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2/1987 atau apa-apa Pekeliling yang dikeluarkan dan masa ke semasa.

## 13. PERKARA-PERKARA AM

- 13.1 Agensi-agensi pemohon dikehendaki memperuntukkan masa sekurang-kurangnya selama 1 tahun dari tarikh permohonan dikemukakan kepada KPTG

untuk urusan pengambilan tanah di dalam jadual pelaksanaan projek masing-masing. Tempoh ini juga hendaklah diambil kira dalam menetapkan tarikh penyerahan tapak kepada kontraktor-kontraktor semasa menyediakan surat penjanjian kontrak.

- 13.2 Bagi projek-projek yang berbentuk jajaran, agensi-agensi pemohon juga dinasihatkan supaya mendapatkan khidmat para perunding tanah (Land Consultants) untuk membantu dalam melicinkan urusan pengambilan tanah.

#### 14. **TARIKH BERKUAT KUASA**


14.1 Tarikh berkuatkuasa Pekeliling ini mulai dari tarikh ianya dikeluarkan.

14.2 Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Bil. 3/79 bagi perkara 3(a), (b) dan (c) adalah dibatalkan.

#### 15. **PENUTUP**

- 15.1 Dengan adanya garis panduan ini, adalah diharapkan Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan Persekutuan dapat membuat perancangan lebih awal dan mengambil tindakan mengikut kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan apabila memerlukan tapak untuk kegunaan masing-masing.

**(DATO' ISMAIL BIN DOLLAH HARUN)**  
PESURUHJAYA TANAH PERSEKUTUAN



Rujukan Fail: KTPK/101/SPT/799 SJ.1

Tarikh: 26 Disember 2003

Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan  
Tingkat 7-9, Wisma Tanah  
Jalan Semarak  
50576 KUALA LUMPUR

Tuan,

**Permohonan Pengisytiharan Di Bawah Seksyen 4, APT 1960 Untuk Pengambilan Tanah Bagi Maksud Awam**

Adalah dimaklumkan bahawa tanah yang dinyatakan dalam jadual di bawah mungkin perlu diambil di bawah APT 1960 untuk kegunaan Kementerian.


Kementerian ini memohon supaya tanah-tanah tersebut diisytiharkan oleh PBN di bawah seksyen 4 APT 1960 dan dikeluarkan Borang B (Kuasa Untuk Membuat Kerja Ukur) untuk membolehkan ejen-ejen Kementerian ini memasuki dan membuat kajian dan kerja ukur.

Saya mengesahkan bahawa peruntukan telah disediakan untuk membayar pampasan ke atas sebarang kerosakan di atas tanah berkenaan akibat dari pelaksanaan kerja-kerja tersebut.

Saya juga mengesahkan bahawa cadangan pengambilan ini telah dibentangkan dan dipersetujui oleh Jawatankuasa Pembangunan Daerah yang berkenaan.

Sekian, terima kasih.

.....  
Ketua Setiausaha



---

**JADUAL**  
(Pengisytiharan Seksyen 4)

- a. Tujuan Pengambilan:
- b. Butiran Tanah:

Bil.	Jenis/ No. Hak Milik	No. Lot/ No. P.T	Mukim/Pekan/Bandar	Daerah/Jajahan	Keluasan

- c. Pelan Cadangan disertakan.

Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan  
Tingkat 7-9, Wisma Tanah  
Jalan Semarak  
50576 KUALA LUMPUR

Tuan,

**Permohonan Pengambilan Tanah Di Bawah Seksyen 3(1) (a) Dan Pengisytiharan Di Bawah Seksyen B Akta Pengambilan Tanah 1960**

Adalah dimaklumkan bahawa Kementerian ini telah memutuskan supaya tanah yang dinyatakan dalam Jadual di bawah diambil oleh PBN di bawah seksyen 3(1) (a) APT 1960 dan diwartakan di bawah seksyen 8 APT 1960.

Saya mengesahkan bahawa:

- (1) tanah telah disiasat dan didapati sesuai dari segi fizikal
- (2) segala bentuk bebanan dan pendudukan atas tanah telah diambil kira
- (3) rujukan telah dibuat dengan Pejabat Daerah, Pihak Berkuasa Tempatan dan JPBD dan juga telah dipersetujui oleh Jawatankuasa Pembangunan Daerah.
- (4) Butir-butir tanah dalam Jadual di bawah telah disemak dengan Pejabat Tanah.
- (5)Keperluan jalan masuk dan perparitan telah diambil kira.

Saya juga mengesahkan bahawa:

- (1) Peruntukan untuk kos pengambilan termasuk kos penandaan kawasan telah disediakan.
- (2) Surat Perakuan Segera (Borang I) diperlukan.

Bersama-sama ini disertakan Pelan Pengambilan, sijil carian rasmi/persendirian dan ulasan-ulasan jabatan teknikal yang berkenaan.

Sekian, terima kasih.

.....  
Ketua Setiausaha

\*potong yang tidak berkenaan

**JADUAL**  
(Pengisytiharan Seksyen 8)

- a. Tujuan:
- b. Butiran Tanah:

Bil	Jenis / No. Hakmilik atau Kependudukan	No. Lot/ No,P.T.	Mukim/Pekan Bandar	Daerah/ Jajahan	Tuan Punya Berdaftar Atau Pendudukan yang direkodkan	Keluasan lot	Anggaran Luas Yang Akan Diambil

- c. Tarikh Tanah Dikehendaki.  
Penoesahan

Saya mengesahkan bahawa butir-butir tanah ini telah disemak dengan rekod Pejabat Tanah yang berkenaan dan disahkan benar.

.....  
(Tandatangan Pegawai Projek)

**SENARAI SEMAK PERMOHONAN PENGAMBILAN TANAH**  
**Di Bawah Seksyen 4**

Nama Projek : .....

.....

BIL	TINDAKAN	TANDAKAN (√)	
		LENGKAP	TIDAK LENGKAP
1.	Pelan Pengambitan Tanah yang Lengkap.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2.	Pengesahan peruntukan yang mencukupi untuk membiayai kos pampasan kerosakan akibat kerja-kerja ukur dan kajiantanah.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>



**SENARAI SEMAK PERMOHONAN PENGAMBILAN TANAH**  
**DI Bawah Seksyen 8**

**Nama Projek** : .....

.....

BIL	TINDAKAN	TANDAKAN ( √ )	
		LENGKAP	TIDAK LENGKAP
1.	Pelan Pengambilan Tanah yang lengkap.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
	Sijil Carian Rasmi/ Persendirian yang terkini.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
	Ulasan dari Jabatan-Jabatan Teknikal.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
	Ulasan dari Jabatan Alam Sekitar *	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
	Persetujuan Jawatankuasa Pembangunan Daerah atau Jawatankuasa seumpamanya.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
	Pengesahan peruntukan yang mencukupi termasuk kos penandaan dan lain-tain kos	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
	Surat Perakuan segera (Borang 1). *	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
	*Potong jika tidak perlu		